

PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI (PPQ)

NAMA DOKUMEN : SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 10/2021
PERMOHONAN NILAI TARAF KELAYAKAN BAGI
KESETARAAN DENGAN KERANGKA KELAYAKAN
MALAYSIA (*MALAYSIAN QUALIFICATIONS
FRAMEWORK, MQF*)


NOMBOR RUJUKAN : MQA.100-1/7/2 JLD 4(8)

EDISI : -

TARIKH KUATKUASA : 30 JULAI 2021

DILULUSKAN

Tandatangan:



Nama: Prof Madya Dr. Noor Hasmini binti Hj Abd Ghani

Jawatan: Pengarah PPQ

Tarikh: 30 September 2021

MEMO

| | |
|-----------|------|
| Kepada : | ppa. |
| Perkara : | |

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> SEGERA | <input type="checkbox"/> Untuk dibincangkan |
| <input type="checkbox"/> Untuk tindakan selanjutnya | <input type="checkbox"/> Untuk makluman |
| <input type="checkbox"/> Sila kemaskinikan data/rekod | <input checked="" type="checkbox"/> Untuk fail/simpanan |
| <input type="checkbox"/> Dikemukakan sepertimana dikehendaki | <input type="checkbox"/> Untuk ditandatangani |
| <input type="checkbox"/> Dikembalikan semula untuk | <input type="checkbox"/> Untuk pandangan/pendapat |

CATATAN :

Tandatangan:


PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD
Menjalankan Fungsi Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Tarikh:

29/9/2021

Tel :

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 (8)

Tarikh : 30 JUL 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,



SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 10/2021

PERMOHONAN NILAI TARAF KELAYAKAN BAGI KESETARAAN DENGAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK, MQF)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, peranan utama Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan. Berdasarkan MQF, kelayakan dibangunkan dan diklasifikasikan mengikut kriteria yang dipersetujui di peringkat kebangsaan dan ditanda aras dengan amalan antarabangsa.

3. Seksyen 78 dalam Akta MQA [Akta 679] memperuntukkan tentang 'Penilaian Kelayakan Lain' yang menyatakan bahawa mana-mana orang boleh memohon kepada Agensi untuk melaksanakan penilaian ke atas kelayakan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) atau program yang dijalankan di dalam atau luar Malaysia untuk diperakui kesetaraannya dengan kelayakan dalam MQF.

4. MQA telah membangunkan kriteria yang perlu dipatuhi oleh individu atau PPT yang ingin mengemukakan permohonan nilai taraf kelayakan kepada MQA seperti berikut:

i) Individu

Pemohon telah **menamatkan pengajian** dengan kelayakan luar negara dan ingin menyambung pengajian di Malaysia atau apa-apa tujuan yang berkaitan.

ii) Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)

a) Permohonan **Badan Persijilan Luar Negara**

- Badan yang diluluskan oleh pihak berautoriti di negara asal.
- Kelayakan yang dimohon akan dikendalikan secara kerjasama dengan PPT di Malaysia dan melalui proses Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh MQA sahaja; atau

b) Permohonan **Badan Berautoriti Dalam Negara**

- Badan yang mempunyai punca kuasa untuk menganugerahkan kelayakan berdasarkan akta penubuhan masing-masing.
- Kelayakan yang dimohon bertujuan untuk peningkatan kerjaya yang berbentuk *Continuous Professional Development (CPD)* dan tidak boleh digunakan sebagai kelayakan masuk/artikulasi ke mana-mana program/kelayakan berdasarkan tahap MQF.

5. Permohonan nilai taraf kelayakan akan dikenakan fi pemrosesan sebanyak **RM 1,050.00**.

6. Carta alir bagi 'Proses Penilaian Kesetaraan Kelayakan' adalah seperti dalam **Lampiran 1**. Tatacara lengkap bagi permohonan nilai taraf kelayakan boleh dirujuk melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

7. Semua pihak dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya agar urusan nilai taraf kelayakan dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"WAWASAN KEMAKMURAN NEGARA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 9, Canseleri
Universiti Malaya
50603 W.P. KUALA LUMPUR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Malaysia Kelantan
Karung Berkunci 36
16100 PENKALAN CHEPA, KELANTAN

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR

11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN


12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
8000 KOTA KINABALU, SABAH

15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK

PROSES PENILAIAN KESETARAAN KELAYAKAN



1. Pemohon mengemukakan permohonan menggunakan Borang NT02 (PPT) atau NT03 (Individu).
2. MQA menerima dan merekod permohonan.
3. MQA menyemak permohonan. Hanya permohonan yang memenuhi kriteria akan diterima untuk penilaian. Dokumen bagi permohonan yang tidak memenuhi kriteria akan dipulangkan kepada pemohon.
4. Penilaian akan dilaksanakan oleh pegawai MQA atau Ahli Panel Penilai (APP) MQA.
5. Hasil penilaian akan dibentangkan untuk kelulusan MJNT MQA.
6. Keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon sama ada setara, tidak setara atau ditangguh untuk penilaian lanjut.

MJNT – Mesyuarat Jawatankuasa Nilai Taraf